



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- Malaysia sedia beri kerjasama urus sisa dengan Belanda 8

KOSMO

- Utusan Melayu Henti Operasi 8

The Star

- Stadium reopening shelved again 4
- MPK programme the highlight importance



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Malaysia sedia beri kerjasama urus sisa dengan Belanda
Muka Surat	8



Malaysia sedia kerjasama urus sisa dengan Belanda

BH 10/10/19 NSJ

Kuala Lumpur: Kerajaan berhasrat menjalin kerjasama dengan Belanda dalam bidang pengurusan sisa, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, Malaysia boleh belajar daripada kejayaan Belanda dengan mengguna pakai dasar dan amalan yang sesuai dalam pengurusan sisa di negara ini.

"Kita mengimport plastik bersih tetapi Belanda mengimport plastik sampah dan mereka berjaya menguruskannya dengan baik. Malaysia perlu belajar bagaimana Belanda menjalankan perniagaan dan memproses sampah," katanya pada Seminar Pengurusan Sisa Lestari, di sini semalam.

Seminar itu dianjurkan Kedutaan Belanda sempena Persidangan dan Pameran Produk Eko Greentech Antarabangsa Malaysia (IGEM 2019) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur bermula semalam hingga esok.

Zuraida berkata, kerajaan memberi tumpuan kepada keterlibatan dengan masyarakat dan mendekati akar umbi untuk memastikan pembabitannya mereka dalam program pengurusan sisa.

"Kita masih pada peringkat permulaan dan kita dapat belajar daripada percubaan dan kesilapan mereka (Belanda) agar kita dapat melakukannya untuk mencapai tahap itu."

"Cabaran asas kita ialah untuk masyarakat mempraktikkan amalan yang baik. Buang sampah ke dalam tong sampah. Semua telah diperkenalkan tetapi ia tidak diambil serius oleh rakyat," katanya.

Dalam ucapannya, Zuraida berkata beliau kagum dengan amalan pengurusan sisa yang diamalkan oleh negara seperti Belanda, Jepun dan Singapura.

"Saya fikir kita tidak memberi perhatian yang cukup kepada pengurusan sisa. Jika kita melakukannya 20 tahun yang lalu, kita mungkin lebih baik sekarang. Kita belum terlambat kerana saya akan menukarkan sampah kepada ganjaran tunai," katanya.

BERNAMA

Zuraida menerima cenderahati daripada Duta Belanda ke Malaysia, Aart Jacobs pada Seminar Pengurusan Sisa Lestari, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Utusan Melayu Henti Operasi
Muka Surat	8

Utusan Melayu henti operasi

KOSMO 10/10/19 md 8

800 kakitangan syarikat akhbar berusia 80 tahun hilang punca pendapatan

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Syarikat Utusan Melayu (Malaysia) Berhad yang berusia 80 tahun mengesahkan penghentian operasi berkuat kuasa semalam menyebabkan 862 kakitangan syarikat itu hilang punca pendapatan.

Penamatan operasi itu dinyatakan menerusi satu memorandum pekelling ditandatangani oleh Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Abd Aziz Sheikh Fadzir kepada kakitangan syarikat berkenaan semalam.

Menurut Abd Aziz, lembaga pengarah syarikat terbabit pada 7 Oktober lalu meluluskan cadangan Pengguguran Sukarela Pemiutang (Creditors' Voluntary Liquidation) dan seterusnya meluluskan pelantikan UHY Advisory (KL) Sdn Bhd sebagai Pelikuidasi Interim (Interim Liquidator).

"Langkah ini terpaksa diambil kerana lembaga pengarah berpendapat bahawa syarikat



Pejabat Utusan Melayu (Malaysia) Bhd yang merupakan penerbit akhbar Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Kosmo dan Kosmo Ahad di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.

tidak lagi solven untuk meneruskan perniagaan.

"Oleh yang demikian, syarikat akan memberhentikan operasi berkuat kuasa pada Rabu, 9 Oktober 2019," katanya.

Terdahulu, dalam memorandum berkenaan beliau menjelaskan, syarikat itu telah berusaha mengukuhkan keadaan syarikat sejak keadaan merosot selepas Pilihan Raya Umum pada Mei 2018.

Menurutnya, ia termasuk penawaran Skim Pemisahan Sukarela (VSS) sebelum ini yang melibatkan 700 kakitangan.

"Usaha turut diambil dengan menjual aset-aset syarikat dan kumpulan untuk menampung modal bagi mendapatkan aliran tunai yang mencukupi.

"Namun edaran harian akhbar Utusan Malaysia dan

Kosmo yang semakin menurun dan sasaran RM4 juta iklan sebulan yang gagal dicapai menyebabkan aliran tunai Utusan semakin tenat.

"Bukan sahaja gaji pekerja gagal dibayar mengikut masa, malah hutang juga tidak dapat dijelaskan dan semakin tertunggak. Syarikat kini berhadapan dengan pelbagai tindakan perundangan daripada

pemiutang," katanya.

Menurut kenyataan itu juga, semalam merupakan tarikh akhir kakitangan bekerja di syarikat berkenaan manakala hari ini merupakan tarikh akhir perkhidmatan.

Kakitangan juga diminta mengemas tempat kerja, mengambil barang peribadi masing-masing dan mengembalikan semua peralatan serta harta syarikat termasuk kad akses dan kunci pejabat kepada Ketua Jabatan selewat-lewatnya jam 1 tengah hari semalam.

Bagaimanapun, kakitangan dibenarkan masuk ke pejabat pada jam 9 pagi hingga jam 6 petang hari ini sekiranya terdapat keperluan.

Utusan Melayu ditubuhkan pada tahun 1938 dan menerbitkan akhbar Utusan Melayu pada 1939.

Pengarah Urusan pertama akhbar itu ialah Yusuf Ishak, Presiden pertama Singapura.



Kakitangan Utusan Melayu membawa barang keluar selepas menerima notis rasmi penutupan operasi syarikat itu semalam.

Kakitangan keliru, notis terlalu singkat

KUALA LUMPUR - Kesatuan Kebangsaan Wartawan (NUJ) Utusan Melayu menyifatkan penutupan operasi syarikat terbabit sebagai keputusan tidak berperikemanusiaan kerana tempoh notis terlalu singkat.

Pengerusinya, Mohd Taufik Razak berkata, penutupan tidak sepatutnya dibuat dalam keadaan drastik kerana perkara itu boleh dirancang lebih awal.

"Tanpa ada pampasan, diberi notis yang singkat untuk keluar. Malah hari ini (semalam) tiada seorang pun wakil pengurusan eksekutif hadir. Hanya ada ketua-ketua jabatan.

"Banyak persoalan daripada kakitangan yang tidak dapat dijawab," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Utusan Melayu di Jalan Chan Sow Lin di sini semalam.

Mohd Taufik berkata, NUJ menganggap notis penghentian operasi adalah tempoh bercuti yang diberikan oleh pihak pengurusan sehingga sebarang perkembangan diumumkan pada 30 Oktober depan.

"Kami tidak menerima sebarang surat pemberhentian kerja, dipecat atau sebagainya. Malah gaji kami akan dikira sehingga 31 Oktober ini untuk dibayar.

"Jadi sehingga tempoh 30 Oktober kami tidak dapat melakukan sebarang tindakan. Sebarang tindakan lanjut hanya akan dibuat selepas semua persoalan kami dijelaskan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Stadium reopening shelved again
Muka Surat	4

Stadium reopening shelved again

Schools, coaches frustrated with delay as facility cannot be used for sports training

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

DELAY in the completion of refurbishment work at Klang Stadium Sultan Suleiman has disappointed several schools and coaches who use the field for their annual sports events and training.

The project's contractor was given until yesterday to finish all works at the stadium but workers were still seen installing electrical wiring and painting the mini grandstand while the roofing was not yet completed. Entrance to the stadium was barricaded with zinc sheets.

Closed for refurbishment since September 2018, this is the second time renovation works was delayed.

On Jan 17, *StarMetro*'s article "Delay in reopening" reported that the deadline for the refurbishment would be extended because of water ponding issues.

It was understood that the contractor applied to Klang Municipal Council (MPK) to consider his predicament.

On Sept 17, *StarMetro* reported that the stadium would face a delay in the refurbishment because of the pace the work was being carried



The completion date of Stadium Sultan Suleiman has been deferred a second time and the contractor is given until December to finish the work without the daily fine.

out with very few workers.

It was also reported that MPK had given an additional RM375,000 on top of the RM4mil to the contractor because the grandstand's steel structure had to be replaced.

Ex-sportsman and hockey umpire Serjeet Singh, 61, said it was a

shame that the contractor was unable to keep to the deadline. This did not reflect well on the council's choice of contractor, he said.

"Most schools are not clear when the refurbishment project will end, as schools are deprived of a venue for their annual sports.



StarMetro's article on Jan 17.

"As coaches, we are unable to use the field to train sports talents," he said.

According to a spokesperson, the delay was because of cost-cutting measures as a smaller number of workers had been hired to handle the project.

MPK Engineering Department director Zamri Othman said the contractor had written to the council and the tender sub-committee meeting deliberated on giving an extension.

"It was decided that the contractor would continue the work and complete it in the second week of December, this year.

"Stadium Sultan Suleiman will be open to the public in January 2020," he said.

Zamri added that the committee decided that the contractor would not be slapped with a penalty for the delay as the work needed for the metal frame of the grandstand was justified.

It is learned that the penalty would have been RM2,000 per day.

Selangor School Sports Council, Technical and Development for Hockey and Coaching chairman Mohd Azlan Aziz said MPK must remain committed in ensuring that the requirements outlined in the contract to renovate the stadium was followed and the project was completed soon.

"We hope all work is done with high quality despite the length of the refurbishment work," he said.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	MPK programme the highlight importance
Muka Surat	4

MPK programme to highlight importance of trees

By **BRENDA CH'NG**
brenda@thestar.com.my

IT IS time that the Klang community pay attention to tree safety and learn how to protect them from being victims of development before more trees get chopped down.

To raise awareness and kick-start this initiative, Klang Municipal Council (MPK) launched the urban tree safety programme in conjunction with World Town Planning Day 2019.

"Our aim is to educate the residents and schoolchildren especially on the importance of trees in public spaces and how to protect them from being vandalised or chopped down for no reason," said MPK president Datuk Mohamad Yasid Bidin after launching the event at Taman Rakyat in Klang.

He added that MPK received complaints daily about trees around Klang, with some urging for them to be chopped down while others request for tree maintenance and care.

"One complainant asked for a tree to be chopped down because it was obstructing the view from the

house," Yasid said.

He added that MPK took tree maintenance seriously but often faced constraints due to lack of manpower.

This year, MPK spent RM3mil from the Malaysian Road Records Information System (Marris) funds on 20 projects to maintain trees along main roads.

For trees on neighbourhood roads, MPK has a separate budget to engage contractors and get the job done.

"I hope this programme will be carried out from time to time in different parts of town. Next year, we will be going to schools to educate students on the importance of trees and preserving the environment," he said.

Sungai Kandis assemblyman Mohd Zawawi Ahmad Mughni, representatives from Klang Community College, State Economic Planning Unit, Malaysian Institute of Planners and Selangor's Town and Country Planning Department were among those who attended the event where 50 trees were planted around Taman Rakyat.

There was also a tree climbing demonstration by Malaysia Tree



Zainal Fikri demonstrating how to climb a tree during the Urban Tree Safety programme launched by MPK in Taman Rakyat.

Climbers Association president Zainal Fikri Mohd Idris.

Zainal Fikri has 10 years of tree climbing experience.

Tree climbers are needed when handling trees which are located too close to a building or above valuable property, especially in places

inaccessible by skylift.

"Climbing a tree is not an easy feat and it has to be done with proper training and the right equipment," he said, adding that a tree climber usually carried about RM4,000 worth of equipment on him on the job.

The association also provides training and carries out thorough research and inspection on trees.

"We are usually able to get more accurate information if we climb up and examine the tree but we are always careful not to damage or harm the tree in the process," he said.

Joining him at the event was Malaysian Society of Arborist vice-president Nik Ikmal Fathi who said everyone was responsible for looking after trees in public spaces.

"It takes two mature trees to supply enough oxygen for one adult and here, there are enough trees but we have to preserve them as much as possible," he said.

He added that anyone caught chopping down trees without seeking proper approval could be fined up to six figures or more.

"I hope everyone is aware that the chopping of trees or even harming them is a compoundable crime and there have been many cases of wrongdoers being fined for felling trees nationwide," he said.

He explained that there was even a case where a contractor was fined RM300,000 for chopping down many 20-year-old trees.